

03/11/1997

Pemimpin DAP dianggap talam dua muka

BERUAS, Ahad - Parti Gerakan meragui keikhlasan pemimpin DAP yang menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata beliau tidak terkejut dengan sikap yang ditunjukkan oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang yang disifatkan sebagai talam dua muka.

"Beliau (Lim) secara terbuka menyokong Perdana Menteri di Parlimen tetapi sekarang ini, dia menggunakan isu kejatuhan ekonomi negara sebagai isu politiknya," katanya kepada pemberita dalam program lawatan ke Kampung Changkat Kruing, dekat sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai isu kejatuhan ekonomi negara yang dibawa oleh DAP dalam kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kawasan Sungai Bakap.

Dalam pilihan raya itu, calon Barisan Nasional (BN), Lai Chew Hock akan berdepan dengan calon DAP, Beh Kheng Huat dan dua lagi calon bebas.

Keng Yaik berkata, jika Lim warganegara Malaysia yang sejati, dia harus membuktikan sokongannya kepada kerajaan dengan menyatakan mengenai usaha kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi negara.

"Cara yang digunakan iaitu dengan menyokong Perdana Menteri, tetapi masih mahu memainkan isu kejatuhan nilai mata wang negara dan ini menunjukkan dia mempunyai tujuan yang tidak baik," katanya.

Keng Yaik yang juga Ahli Parlimen Beruas berkata, pihaknya tidak akan akur dengan permintaan DAP untuk mengadakan perdebatan terbuka mengenai masalah berkenaan.

"DAP ibarat ikan yang sedang kelemasan dan akan berbuat apa sahaja untuk memenangi pilihan raya berkenaan dengan meracuni pemikiran pengundi untuk menyokong mereka.

"Jadi, saya berharap pengundi di kawasan Sungai Bakap dapat berfikir secara bijak dan tidak terpengaruh dengan fitnah yang dilemparkan oleh DAP serta terus menyokong calon BN untuk masa depan yang lebih baik dan stabil," katanya.

(END)